

Isu khidmat gunting, dandanan rambut

Syor peralatan pematuhan SOP jadi barang kawalan

Perlu kajian menyeluruh sebelum keputusan dimaklumkan menteri

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Beberapa peralatan penting digunakan dalam pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sepanjang penerapan COVID-19 sedia dicadangkan sebagai barang terkawal.

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Negeri, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata antara barang itu ialah pelitup dan pelindung muka, apron dan sarung tangan pakai buang serta cecair pensanitasi tangan.

"Bagaimanapun, kajian menyeluruh perlu dilakukan terlebih dahulu, selain keputusannya akan dimaklumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Negeri, Datuk Alexander Nanta Linggi nanti.

"Ada rasionalnya juga untuk kawal harga barang berkenaan memandangkan vaksin COVID-19 belum ditemui sehingga kini," katanya kepada BH, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Iskandar Halim berkata, pihaknya bercadang mengadakan pertemuan dengan Gabungan Pendandan Rambut Malaysia, hari ini.

Katanya, ia bagi membincangkan beberapa perkara berkaitan caj tambahan akan dikenakan kepada pelanggan susulan peningkatan kos operasi pematuhan SOP bagi perkhidmatan itu.

"Kita mahu adakan perbincangan ini secepat mungkin bagi menyelesaikan isu caj tambahan akan dikenakan kepada pelanggan dan hasil pertemuan berkenaan akan dimaklumkan Nanta Linggi kelak.

"Pertemuan ini akan membinc-

cangkan beberapa dasar berkaitan dan ia masih belum boleh didedahkan kepada umum," katanya.

Sabtu lalu, caj gunting dan dandanan rambut dilapor akan dinaikkan antara RM5 hingga RM10 bagi setiap pelanggan susulan peningkatan kos operasi pematuhan SOP terhadap perkhidmatan itu.

Caj itu dipersetujui tujuh persatuan gunting rambut yang menyertai Gabungan Pendandan Rambut Malaysia pada mesyuarat diadakan, baru-baru ini.

Tujuh persatuan itu adalah Persatuan Pendandan Malaysian (MHA); Persatuan Pendandan Bumiputera (BUHA); Persatuan Penggunting Rambut Bumiputera (MBBA); Persatuan Pembangunan Kemahiran Dandanan Rambut (HSDA); Persatuan Perkhidmatan Jurugaya Rambut India Malaysia (MIHASS); Persatuan Pengusaha Jurugaya Rambut India Malaysia (MINDAS) dan Persatuan Jurugaya Rambut India Selangor Wilayah Persekutuan (PJRSWP).



Ada rasionalnya untuk kawal harga barangan berkenaan memandangkan vaksin COVID-19 belum ditemui.

Iskandar Halim Sulaiman,
Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna